

Rakyat kini menikmati subsidi bahan api kepada 200 liter. (Foto fail NSTP)

Kurangkan lagi kuota bahan api tindakan terbaik

UUM/AA86/BH/29.4.2026/P:6(1-3)

Langkah drastik ringankan beban kerajaan tanggung beban subsidi RM8.28j setiap jam



Hassan Abu Bakar



Ishak Abd Rahman

Oleh Suzalina Halid
suzalina@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kerajaan perlu mengambil langkah drastik bagi mengurangkan beban subsidi bahan api berikutan peningkatan harga minyak dijangka hanya akan stabil pada 2030.

Penganalisis perniagaan dan ekonomi Universiti Utara Malaysia (UUM), Prof Dr Hassan Abu Bakar, berkata langkah jangka pendek ketara yang boleh dilakukan adalah dengan mengurangkan subsidi bahan api kepada pengguna, walaupun tindakan berkenaan tidak popular dalam kalangan rakyat.

Katanya, rakyat perlu difahamkan mengenai hakikat sebenar yang berlaku akibat konflik Iran dengan Amerika Syarikat (AS) dan Israel, sehingga menyebabkan langkah pengurangan subsidi minyak perlu dilakukan secara berperingkat.

"Ia boleh dibuat secara berperingkat daripada 200 liter kepada 150 liter dan 100 liter bergantung kepada keadaan semasa.

"Ini adalah realiti yang perlu dihadapi dan perlu dilaksanakan langkah untuk memahamkan rakyat berhubung perkara ini," katanya kepada *BH*, di sini.

Beliau berkata demikian bagi mengulas kenyataan dibuat Penasihat Ekonomi, Pejabat Perdana Menteri di Pejabat Perdana Menteri, Nurhisham Hussein, bahawa kerajaan menanggung beban subsidi bahan api besar kira-kira RM8.28 juta setiap jam.

Ia adalah bersamaan RM2,300 sesaat untuk melindungi rakyat daripada kesan krisis bekalan global yang dicetuskan konflik geopolitik di Asia Barat.

Nurhisham dilaporkan berkata, ia adalah realiti semasa yang ditanggung kerajaan susulan krisis bekalan global yang melonjakkan harga minyak mentah dunia melepasi paras AS$110 satu tong pada Mac lalu, satu keadaan yang tidak dapat dielakkan dan berada di luar kawalan kerajaan.

Pada masa sama, Hassan berkata, bagi langkah jangka panjang, kerajaan dicadang melabur hasil keuntungan diperoleh daripada jualan minyak kepada sumber tenaga mampan, antaranya solar kepada industri negara.

Undang kemarahan rakyat

Sementara itu, Penyelaras Program Sarjana Pentadbiran Awam dan Kepimpinan (SPeAK) Fakulti Ekonomi dan Pengurusan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Ishak Abd Rahman, pula berkata, tindakan menarik subsidi secara, sekali gus berisiko menimbulkan kemarahan dalam kalangan pengguna.

Beliau berkata, atas dasar itu langkah terbaik ialah mengurangkan subsidi bahan api secara bersegmen bergantung kepada sektor.

"Rakyat tentunya akan marah jika berlaku penarikan subsidi bahan api dengan perkembangan semasa ini yang akan diterjemahkan ke dalam kotak undi pada pilihan raya kelak.

"Justeru, ia menjadi cabaran buat kerajaan dalam isu subsidi bahan api dan perlu mencari penyelesaian terbaik, termasuk memastikan yang benar-benar layak sahaja dapat menerima kelebihan itu," katanya.